



UCAPAN KETUA PENGARAH SEMINAR KEWANGAN RISDA 2007

TEMPAT: TELUK BATIK RESORT, LUMUT, PERAK

TARIKH: 30 OGOS 2007
MASA: 10.30 PAGI

- Yang Berusaha Pengacara Majlis
- **Yang Dihormati Tn. Hj. Tajuddin bin Ahmad,
Pengarah Bahagian Kewangan dan Belanjawan**
- Yg.Dihormati Pn. Shamsiah bt. Nor Hashim,
Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- Yg. Dihormati Pn. Hjh. Wan Esah bt. Ton Harun,
Pengarah Bahagian Latihan
- Yg. Dihormati En. Meor Mohd. Zamnis bin Meor Hassan,
Pengarah RISDA Negeri Perak
- Semua KPP Kewangan serta Akauntan Anak Syarikat,

- Tuan-Tuan dan Puan-Puan, peserta-peserta Seminar Kewangan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t,

1. Syukur Alhamdulillah, sekali lagi dapat kita berkumpul selama 3 hari ini sempena Seminar Kewangan RISDA 2007 yang telah berlangsung daripada 27 hb Ogos sehingga hari ini. Saya difahamkan Seminar ini diadakan pada setiap tahun khusus bagi pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan di Ibu Pejabat dan juga di Pusat Tanggungjawab serta Anak Syarikat. Saya berharap semua

Pegawai Kewangan RISDA dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk membangunkan masyarakat pekebun kecil.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Pengarah Kewangan dan Belanjawan kerana berjaya menganjurkan Seminar Kewangan ini untuk membincangkan isu-isu kewangan RISDA serta menambahkan pengetahuan melalui 6 pembentangan kertas kerja yang telah dibentangkan oleh Pegawai KKLW, Jabatan Audit Negara, INTAN, Pusat Pungutan Zakat dan juga Syarikat Anuarul Azizan Chew

Corporate Services Sdn. Bhd. Saya harap semua pembentangan diterima secara positive untuk tindakan penambahbaikan yang berterusan di RISDA.

3. Saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk menyentuh beberapa perkara untuk kita kongsi bersama-sama dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan-tuan & Puan-puan sekalian,

4. 'Clean Certificate'

Dalam 'Exit Conference' pada 16 Ogos 2007 baru-baru ini, RISDA telah diluluskan 'Clean Certificate' bagi tahun yang ke 10. Syabas! dan tahniah saya ucapkan kepada Tuan-tuan dan Puan sekalian yang telah bertungkus lumus untuk menghasilkannya.

5. Laporan Audit Tahun berakhir 31 Disember 2006

Perkara yang penting dalam pengurusan kewangan adalah penyata kewangan tahunan siap pada tarikh yang telah ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara. Bagi akaun tahun

2006, RISDA telah menghantar laporan akaunnya pada tarikh yang telah ditetapkan iaitu pada 30 April 2007. Pada pandangan saya, walaupun ianya dalam tempoh yang ditetapkan tetapi perkara ini perlu di perbaiki. Saya perhatikan perkara-perkara yang boleh dibaiki adalah seperti:

- i. Setiap urusan direkodkan dengan betul
- ii. Anak-anak syarikat menutup akaun dalam tempoh masa yang ditetapkan

- iii. Segala keputusan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa, Kementerian dan Kerajaan hendaklah dipatuhi.
6. Berdasarkan Laporan Pengurusan yang dikeluarkan oleh pihak Audit, didapati kesemua soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan Anak Syarikat. Oleh itu, Pengurus-pengurus Anak Syarikat adalah diminta untuk mengikut prosedur kewangan yang telah ditetapkan sebagai panduan.
 7. Bagi tuan-tuan dan puan-puan yang terlibat terus dalam hal-hal kewangan, jangan memandang ringan atau membuat

tanggapan tiada masalah. Peraturan-peraturan yang ada perlu dipatuhi supaya tidak timbul persoalan audit dimasa akan datang.

8. Penyediaan Akaun 2008

Berpandukan akaun tahun 2007, semua anak syarikat perlu merancang dalam penyediaan akaun tahun 2008 mulai dari sekarang. Semua Anak Syarikat hendaklah mengambil kira kelemahan-kelemahan yang ada dan berusaha untuk mengatasinya supaya perkara yang sama tidak berulang dan menyebabkan kelewatan.

9. Penyesuaian baki akaun antara syarikat subsidiari perlu sentiasa dilakukan secara berkala supaya kemaskini dan menunjukkan baki akaun yang lebih tepat dan tidak menjadi teguran Ketua Audit Negara.

10. **Melicinkan Proses Pembayaran**

Pastikan setiap baucer bayaran yang disediakan oleh Bahagian-bahagian di Ibu Pejabat, disokong dengan dokumen-dokumen sokongan yang lengkap untuk mempercepatkan proses bayaran. Berpandukan Arahan

Perbendaharaan perkara 99(c), 'Baucer bayaran hendaklah disokong dengan butir-butir penuh mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja seperti tarikh, nombor, kuantiti, kiraan dan kadar untuk membolehkan ianya disemak tanpa perlu merujuk kepada apa-apa dokumen selain yang dikembar padanya.'

11. Ketua Pusat Tanggungjawab yang meluluskan setiap bayaran hendaklah memastikan peraturan-peraturan kewangan dan dokumen-dokumen sokongan adalah teratur.

12. Dengan adanya baucer bayaran yang teratur dan lengkap, membolehkan Bahagian Kewangan dan Belanjawan mematuhi Piagam Pelanggan yang ditetapkan iaitu bayaran dibuat dalam masa 14 hari dari tarikh terima tuntutan bayaran yang lengkap.

13. Aset RISDA

Berasaskan Akaun Berakhir 31 Disember 2006, di dapati aset RISDA iaitu bangunan, loji, hartanah dan peralatan adalah bernilai **RM 268 juta**. Persoalannya, betulkah nilai tersebut? Untuk itu kita perlu melihat semula dengan lebih

teliti ke atas aset yang ada. Antara tindakan yang perlu diambil ialah:

- a. Aset-aset yang ada memang diperlukan untuk operasi.
- b. Aset yang tidak perlu atau rosak dilupuskan dengan segera. Jangan tunggu sampai bangkai aset tersebut tidak dapat dikenalpasti, baru hendak dilupuskan.

14. Tindakan yang lambat diambil ke atas aset-aset yang hendak dilupuskan itu akan merugikan RISDA. Sebagai contoh, kita melupuskan sebuah Van yang telah rosak, jika dilupuskan segera mungkin kita akan perolehi pendapatan

dalam RM3,000- RM5,000. Tetapi sekiranya tindakan lewat diambil, kita jual dalam bentuk besi buruk, kemungkinan kita hanya boleh perolehi RM500 sahaja.

15. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah dimaklumkan bahawa alasan kehilangan barangan milik kerajaan seperti talipon bimbit, kamera dan laptop kerana kereta dipecah atau tertinggal tidak boleh diterima lagi. Tindakan surcaj akan dikenakan kepada pegawai yang terlibat.

16. Prestasi Perbelanjaan setakat 30 Jun 2007

Bagi tahun 2007, RISDA mempunyai peruntukan sejumlah **RM 561 juta**. Setakat 30 Jun 2007, jumlah perbelanjaan keseluruhan (Pembangunan, Mengurus, Wang Amanah KKLW dan peruntukan dari agensi lain) adalah sebanyak **RM 192 juta atau 34%**.

17. Bagi belanja mengurus pula, sejumlah **RM 70 juta atau 42%** daripada peruntukan **RM167 juta** telah dibelanjakan. Manakala daripada peruntukan pembangunan

sejumlah **RM345 juta**, sejumlah **RM111.5 juta** atau **32.31%** telah dibelanjakan.

18. Berdasarkan perbelanjaan ini, prestasi yang ditunjukkan adalah tidak begitu memberangsangkan. Sedemikian semua diminta memainkan peranan masing-masing untuk berusaha lebih untuk memastikan peruntukan yang telah diluluskan dibelanjakan dengan sebaik mungkin supaya projek-projek yang dirancangkan untuk pekebun kecil dapat dilaksanakan.

19. Penyediaan Penyata kewangan Badan-Badan Berkanun Persekutuan- Pemakaian *Financial Reporting Standards* (FRS) atau *Private Entity Reporting Standards* (PERS).

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 27 Jun 2007, telah menyatakan tiada halangan sekiranya RISDA menerima pakai PERS semasa menyediakan Penyata Kewangan Yang Disatukan. Walau bagaimanapun, RISDA hendaklah mendedahkan transaksi yang disesuaikan bagi

akaun subsidiari di dalam Nota Kepada Penyata Kewangan Yang Disatukan, memandangkan dua syarikat subsidiari RISDA perlu menerima pakai FRS semasa menyediakan penyata kewangan iaitu PROTAC dan Permodalan RISDA Berhad. Sehubungan dengan itu, RISDA akan terus kekal menggunakan kaedah PERS dalam penyediaan akaunnya.

Aset Management dalam PRB dalam proses jualan dan dengan itu, PRB masih boleh guna PERS. Bagi 2008, kita perlu melihat status PROTAC. Sekiranya masih wujud lagi, kita minta rayuan pada tahun 2008. Walau

bagaimanapun, PROTAC perlu bersedia untuk menggunakan kaedah FRS.

20. Pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Yang Standard di Badan-Badan Berkanun Persekutuan *Standard Accounting System For Government Agencies* (SAGA)

Jabatan Perdana Menteri melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2007 telah meminta supaya semua Badan-Badan Berkanun dapat melaksanakan

Standard Accounting System (SAGA) bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan agensi.

Dari segi pelaksanaan, RISDA telah pun mengkomputerkan sistem perakaunan dan memenuhi kehendak sistem perakaunan standard, maka tidak perlu kita berpindah kepada pakej SAGA dengan serta merta.

Sehubungan dengan itu, Pengarah Bahagian Kewangan dan Belanjawan dengan dibantu oleh Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Pengarah-pengarah lain diminta

mengkaji keperluan RISDA berbanding dengan sistem yang disediakan oleh SAGA dan menentukan masa yang sesuai untuk RISDA berpindah ke SAGA.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

21. Saya ada menekankan mengenai bekerja sebagai satu pasukan iaitu **Pasukan RISDA**. Satu pasukan boleh menghasilkan penyatuan tenaga, idea dan cita-cita dalam satu ikatan yang bersatupadu. 'Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Dengan semangat ini, gunung yang tinggi dapat

dirobohkan, lautan yang dalam dapat diratakan, kerja yang berat menjadi ringan dan kerja yang sulit menjadi senang.

22. Saya yakin dan percaya dengan kebolehan dan **iltizam** warga RISDA untuk melaksanakan segala dasar yang telah ditetapkan. Pegawai-pegawai RISDA perlu meneruskan usaha bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud hari ini bagi membolehkan sektor pekebun kecil menangani cabaran masa depan yang semakin dinamik dan kompetitif.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Untuk berjaya dalam **era globalisasi** hari ini kita tidak boleh bersikap statik, mudah berpuas hati mahupun selesa dengan pencapaian sedia ada. Kita mesti terus melakukan proses pembaharuan serta penambahbaikan secara berterusan. Kita tidak boleh lagi meneruskan kebiasaan budaya kerja seperti biasa. Kita perlu wujudkan satu **budaya kerja** yang lebih unggul. Misalnya, kita amalkan budaya kerja tidak menangguhkan kerja. Setiap Pegawai perlu selesaikan setiap kerja pada hari itu juga. Jika ini dapat diterapkan dalam diri kita,

saya yakin RISDA akan menjadi satu Organisasi yang cemerlang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

23. Masa begitu cepat berlalu. Sekarang kita telah memasuki bulan ke lapan tahun 2007. Esok kita akan menyambut ulang tahun ke 50 kemerdekaan negara. Bahang **sambutan kemerdekaan** sudah pun bermula. Sambutan pada tahun ini berbeza sedikit daripada tahun-tahun lepas kerana pada tahun ini , we are celebrating

Malaysia's 50 years of nationhood. Saya amat tertarik dengan ucapan Yg.Bhg. Tan Sri Pengerusi kita semasa Perjumpaan Bulanan baru-baru ini. Beliau telah mengupas erti kemerdekaan 'from a different angle of view' yang sebelum ini kita tak nampak. Merdeka can mean many different things, it's how we see it. Beliau telah menekankan supaya kita keluarkan our extra- our extra thinking, our extra mile dengan mengembangkan benak yang ada dalam otak kita yang mampu mengeluarkan our potentials.

Marilah kita bersama-sama mencipta **masa depan** yang lebih gemilang untuk RISDA dan warganya kerana jika kita statik dan gagal dalam usaha untuk menggunakan segala kelebihan yang wujud dalam RISDA kita akan ketinggalan di belakang. Harus diingat bahawa peluang yang kita sia-siakan akan diambil manfaatnya oleh pihak lain. Janganlah kita mendedikasikan hidup kita bagi mencari alasan kenapa kita tidak mampu untuk mencapai kecemerlangan sebaliknya marilah kita bersama-sama menjadikan hidup kita sebagai satu misi besar bagi

mengatasi segala cabaran untuk menikmati kejayaan demi kejayaan dan masa depan yang lebih cerah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Mungkin tidak terlalu awal bagi saya untuk mengucapkan '**Selamat menyambut Ramadhan**' kerana dalam kurang sebulan lagi, umat Islam akan menyambut kedatangan bulan Ramadhan, bulan yang mulia dan penuh keberkatan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Assalammualaikum w.b.t**

